

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 12/1974**

---

**MENYAMPAIKAN KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT  
KERAJAAN NEGERI SELANGOR KEPADA  
JABATAN-JABATAN TEKNIK**

---

Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah ditarik perhatian iaitu kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor terhadap permohonan-permohonan pengeluaran Tanah, Penukaran Syarat, Pajak Galian dan lain-lain yang melibatkan ulasan Jabatan-Jabatan Teknik hendaklah disampaikan kepada Jabatan-Jabatan Teknik tersebut.

2. Cara yang sebaik-baiknya untuk memberitahu itu ialah apabila menghantar surat kelulusan kepada pemohon-pemohon satu salinan hendaklah juga diedarkan kepada Jabatan Teknik yang berkenaan untuk membolehkan Jabatan tersebut melaksanakan syor-syor yang dibuat dengan baik dan sempurna.

T.T  
**(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR

PTG.SEL 1928 (1)

KUALA LUMPUR  
20HB DISEMBER 1974